



**PEJABAT SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KEWANGAN**

Kementerian Kewangan Malaysia  
Aras 12, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Pesint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8882 3011  
Faks : 03-8882 3049  
Laman Web : [www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)

Rujukan Kami: MOF.100-21/11/35 JLD. 14 (82)

Tarikh: 17 Mac 2025

**PUAN NURBAYU KASIM CHANG**  
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif  
EXIM Bank Malaysia,  
Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur

Puan,

**PER : DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**GUAMAN SIVIL NO : WA – 22M – 190 – 10 / 2016**  
**EXPORT – IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD V GREAT COLOUR**  
**HOLDINGS SDN BHD & 5 YANG LAIN (TINDAKAN ASAL)**

**PERJANJIAN PENYELESAIAN BERTARIKH 2.9.2021 ANTARA EXPORT –  
IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD DAN KHAIRUL AZWAN HARUN, BEROZ  
NIKMAL BIN MIRDIN, SUBOH BIN MOHD YASSIN, FIRMANSYAH AANG BIN  
MUHAMAD (PERJANJIAN PENYELESAIAN)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat Setiausaha Politik YAB Menteri Kewangan telah menerima surat seperti perkara yang tersebut di atas daripada **Khairul Azwan Harun**.
3. Sehubungan dengan itu, dipohon agar pihak Puan dapat meneliti serta mempertimbangkan perkara tersebut mengikut keperluan semasa bagi tujuan tersebut.
4. Turut dilampirkan adalah salinan surat tersebut untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak Puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMMAD KAMIL BIN ABDUL MUNIM)  
Setiausaha Politik YAB Menteri Kewangan

Date: 11hb Mac 2025

**YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim**  
Perdana Menteri Malaysia  
Pejabat Perdana Menteri  
Block Utama, Bangunan Perdana Putra      DENGAN SERAHAN TANGAN/E-MAIL  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan      E-mail: [ppm@pmo.gov.my](mailto:ppm@pmo.gov.my)  
62502 Putrajaya

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia,

**Per: Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur**  
**Guaman Sivil No: WA – 22M – 190 – 10/2016**  
**Export-Import Bank of Malaysia Berhad v Great Colour Holdings Sdn Bhd & 5**  
**yang lain**  
**(Tindakan Asal)**

Perjanjian Penyelesaian bertarikh 2.8.2021  
antara Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
dan  
Khairul Azwan bin Harun  
Beroz Nikmal bin Mirdin  
Suboh bin Mohd Yassin  
Firmansyah Aang bin Muhamad  
(*Perjanjian Penyelesaian*)

*Dear Nurbayu Kasim,  
for your kind  
consideration.*  
MUHAMMAD KAMIL BIN ABDUL MUNIM  
Setiausaha Politik  
Menteri Kewangan

Adalah dengan hormatnya saya, Khairul Azwan bin Harun, dan juga bagi pihak penjamin-penjamin lain dalam Tindakan Asal iaitu Beroz Nikmal bin Mirdin, Suboh bin Mohd Yassin and Firmansyah Aang bin Muhamad (“Penjamin-Penjamin”), merujuk kepada Tindakan Asal dan Perjanjian Penyelesaian yang ditandatangani antara kami dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (“EXIM Bank”).

## 2. Pendamaian Dan Penyelesaian

- 1.1 Kami merujuk kepada surat rayuan kami kepada YAB Dato' Seri bertarikh 14/02/2025 (“surat rayuan”). Untuk makluman YAB Dato' Seri, setelah surat rayuan tersebut dihantar, EXIM Bank bersetuju untuk berjumpa dengan saya pada 3.3.2025 untuk suatu perbincangan sebelum tarikh pendengaran yang telah ditetapkan pada 5.3.2025.
- 1.2 Seperti yang telah saya khuatiri, pihak pengurusan EXIM Bank telah menolak mentah-mentah cadangan penyelesaian daripada saya, bagi pembayaran sebanyak RM 4,400,000 iaitu jumlah pembayaran ansuran terakhir mengikut Perjanjian Penyelesaian. Mereka memohon saya membuat cadangan

penyelesaian baru dan mendesak saya menawarkan jumlah penyelesaian yang melebihi jumlah pembayaran yang telah dipersetujui sebelum ini.

- 1.3 YAB Perdana Menteri, perkara ini merupakan suatu kezaliman kepada diri saya. Pihak pengurusan EXIM Bank enggan menerima pembayaran penyelesaian yang telahpun dipersetujui tanpa sebarang alasan yang munasabah, semata-mata untuk menekan saya dan penjamin-penjamin lain. Wang penyelesaian yang telahpun saya bertungkus lumus untuk membayar iaitu RM 3,000,000 yang telahpun dibayar dan RM 4,400,000 ansuran terakhir adalah merupakan keseluruhan usaha saya untuk menyelesaikan perkara ini.
- 1.4 Selain itu, saya juga diberitahu bahawa surat tawaran penyelesaian bertarikh 13/02/2025 (“**surat tawaran penyelesaian**”) kami langsung tidak dibawa ke perhatian lembaga pengarah EXIM Bank untuk dibincangkan. Ini bermakna bahawa pihak pengurusan EXIM Bank sendiri yang menolak surat tawaran penyelesaian saya tanpa membangkitkan perkara ini kepada perhatian lembaga pengarah EXIM Bank.
- 1.5 Semasa mesyuarat, terdapat persetujuan daripada EXIM Bank untuk memberikan lanjutan masa untuk menangguhkan tarikh pendengaran tersebut kepada 9.4.2025 supaya pihak-pihak boleh berbincang dengan lanjut terma-terma penyelesaian.
- 1.6 Oleh sebab itu, kami terpaksa untuk merujukkan hal ini kepada YAB Dato’ Seri supaya satu keputusan yang saksama dan beretika dapat dipertimbangkan dan diajukan kepada EXIM Bank.
- 1.7 Kami mengulangi semula syarat-syarat yang dibentangkan dalam surat tawaran penyelesaian, di mana kami telah bersedia untuk membuat pembayaran baki ansuran terakhir iaitu RM4,400,000 kepada EXIM Bank menurut Perjanjian Penyelesaian bertarikh 28.8.2021 tertakluk kepada terma-terma seperti berikut:-
  - i) Menarik balik semua prosiding pelaksanaan, termasuk prosiding kebankrapan yang sedang berjalan terhadap semua penjamin di mahkamah masing-masing tanpa kebebasan untuk memfaillkan semula dan tanpa perintah mengenai kos;
  - ii) Mengembalikan geran hak milik asal bagi kedua-dua hartaan iaitu H.S(D) 226694 PT 9153 dan H.S(D) 226695 PT 9154 Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, Negeri Perak, kepada RH Consortium Sdn Bhd;
  - iii) Mengeluarkan surat pelepasan dan/atau pengesahan bagi semua penjamin dan untuk melakukan semua perkara lain yang diperlukan untuk mencerminkan bahawa jumlah penyelesaian telah diselesaikan dengan sewajarnya dan bahawa Penghakiman telah dipenuhi sepenuhnya;

- iv) Mengeluarkan surat pengesahan kepada mana-mana agensi kredit, seperti CTOS dan CCRIS, jika perlu supaya rekod terhadap semua penjamin dikeluarkan; dan
  - v) Selepas itu, mana-mana pihak tidak akan mempunyai sebarang tuntutan lanjut atau tuntutan lain terhadap satu sama lain berkenaan dengan perkara ini.
- 1.8 Segala terma-terma di atas adalah seperti yang dipersetujui melalui Perjanjian Penyelesaian. Namun EXIM Bank telah menamatkan Perjanjian Penyelesaian tersebut pada bulan 19 Januari 2024 sebelum tempoh pembayaran yang dipersetujui pada 31 Ogos 2024 dan mereka sengaja berbuat demikian sedangkan saya sentiasa bersedia membuat pembayaran tersebut. Kini mereka cuba mengerah terma-terma pembayaran baru. Kami hanya memohon pihak pengurusan EXIM Bank menerima pembayaran terakhir sepertimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Penyelesaian tersebut. Untuk makluman YAB Dato' Seri, surat ikatan hakmilik bagi tanah cagaran kami juga masih belum dipulangkan oleh EXIM Bank.
- 1.9 Besarlah harapan kami supaya kes ini dapat diselesaikan tanpa diperpanjangkan lagi. Sepanjang kejadian ini, pihak kami telah berusaha sebaik mungkin supaya perkara ini dapat diselesaikan dan tidak dihangatkan oleh publisiti dan menjadi isu kontroversi. Namun tindakan pengurusan EXIM Bank telah merumitkan keadaan dan menjelaskan kepercayaan kami terhadap kewibawaan institusi dan pengurusan EXIM Bank. Kami telah sentiasa mematuhi Perjanjian Penyelesaian tersebut namun kami masih dianiaya tanpa alasan munasabah.
- 1.10 Kami menghargai kebijaksanaan YAB Dato' Seri dalam mempertimbangkan permintaan kami ini untuk intervensi membantu anak-anak jati Malaysia yang hanya ingin berkhidmat untuk negara namun ditekan dan dianiaya oleh pengurusan EXIM Bank seperti ini.
- 1.11 Saya akhiri dengan memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga YAB Dato' Seri diberikan kesihatan, afiah dan hidayah sebagai pemimpin Islam terulung di Negara Malaysia tercinta ini supaya dapat membawakan keamanan dan ketenteraman kepada Negara berbilang kaum ini dan kita sentiasa maju jaya sebagai Masyarakat Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**KHAIRUL AZWAN HARUN**

Untuk dan bagi pihak

**Beroz Nikmal bin Mirdin**

**Suboh bin Mohd Yassin**

**Firmansyah Aang bin Muhamad**

